

**HONG LEONG BANK BERHAD
PERADUAN “TOP SPENDERS” KAD DEBIT HONG LEONG****TEMPOH PERADUAN**

Peraduan “Top Spenders” Kad Debit Hong Leong (“Peraduan”) Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) bermula dari **01 Mei 2017** dan berakhir pada **31 Julai 2017**, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Peraduan”), melainkan diberitahu sebaliknya.

TERMA & SYARAT

Terma dan Syarat berikut adalah terpakai untuk Peraduan di bawah.

KELAYAKAN

1. Peraduan ini terbuka kepada semua Pemegang Kad Debit Hong Leong yang merupakan individu warga negara Malaysia (“Pemegang Kad”).
2. Pemegang Kad yang berikut **TIDAK** layak menyertai Peraduan ini:
 - (a) Kad Debit Hong Leong Islamic-i;
 - (b) Memiliki Kad Debit HLB yang TIDAK dikeluarkan di Malaysia;
 - (c) Akaun Kad Debitnya TIDAK berkedudukan baik, tak aktif, ditandai kepada Akaun Semasa atau Simpanan yang telah ditutup atau tak aktif atau melanggar mana-mana terma dan syarat HLB pada bila-bila masa semasa Tempoh Peraduan dan/atau sebelum 30 November 2017;
 - (d) Akaun Kad Debitnya dipercayai dikendalikan secara penipuan, menyalahi undang-undang dan/atau Kad Debitnya tak sah atau telah dibatalkan menurut takrif HLB pada bila-bila masa semasa Tempoh Peraduan dan/atau sebelum 30 November 2017;
 - (e) Melaku atau disyaki melakukan penipuan atau kesalahan undang-undang berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberi oleh HLB atau telah diisytiharkan muflis (menurut petisyen oleh sama ada bank atau mana-mana pihak ketiga) atau bakal dikenakan prosiding kemuflihan pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Peraduan dan/atau sebelum 30 November 2017; dan
 - (f) Pelanggan Perbankan Peribadi HLB.

KAEDAH PERADUAN

3. **Dua puluh (20)** Pemegang Kad teratas yang membuat Transaksi Runcit di Tempat Jualan Tempatan (“POS”) yang paling banyak (seperti ditakrifkan dalam fasal 6) dengan menggunakan Kad Debit Hong Leong mereka dalam Tempoh Peraduan (“Pemegang Kad Layak”) akan layak mendapat hadiah-hadiah berikut dengan cara berikutnya:-
 - (a) **Satu (1)** unit Telefon Pintar Huawei P10 Plus bagi Pemegang Kad Layak teratas **pertama** hingga **kesepuluh (ke-10)**; dan
 - (b) **Satu (1)** unit Telefon Pintar Huawei P10 bagi Pemegang Kad Layak teratas **kesebelas (ke-11)** hingga **kedua-puluh (ke-20)** (“Hadiah”).

Pemegang Kad Layak	Hadiah
Pertama hingga ke-10	Telefon Pintar Huawei P10 Plus
Ke-11 hingga ke-20	Telefon Pintar Huawei P10

4. Hadiah dihadkan kepada **dua puluh (20)** Pemegang Kad Layak dan setiap Pemegang Kad Layak berhak menang sekali sahaja di bawah Peraduan ini.
5. Contoh penjadualan kelayakan Hadiah ditunjukkan seperti berikut:

Pemegang Kad Layak	Nombor (#) Transaksi Runcit melalui POS	Kelayakan Hadiah	Hadiah
1	300	Layak	Telefon Pintar Huawei P10 Plus
2	300	Layak	
3	280	Layak	
4	275	Layak	
5	260	Layak	
6	250	Layak	
7	245	Layak	
8	240	Layak	
9	238	Layak	
10	235	Layak	
11	230	Layak	Telefon Pintar Huawei P10
12	228	Layak	
13	225	Layak	
14	222	Layak	
15	220	Layak	
16	210	Layak	
17	200	Layak	
18	199	Layak	
19	197	Layak	
20	180	Layak	
21	178	Tidak Layak	
22	145	Tidak Layak	

6. Bagi tujuan Peraduan ini, Transaksi Runcit di Tempat Jualan Tempatan bermaksud pembelian runcit dengan amaun minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** melalui tempat jualan di mana-mana kedai runcit yang beroperasi di Malaysia ("Transaksi Layak") tetapi **TIDAK TERMASUK**:
 - (a) Pembelian dalam talian;
 - (b) Pengebilan automatik;
 - (c) Tambah nilai "Touch 'n Go";
 - (d) Transaksi yang dibayar balik, dipertikaikan, tidak berjaya, dibalikkan, tanpa kebenaran, penipuan atau menyalahi undang-undang;
 - (e) Pembayaran fi pengeluaran / fi tahunan / fi pembaharuan Kad Debit Hong Leong; atau
 - (f) Apa-apa fi perkhidmatan atau fi pelbagai (termasuk caj penalti) yang dikenakan oleh HLB.
7. Hanya Transaksi Layak sahaja seperti yang dinyatakan dalam fasal 6 di atas yang berjaya direkodkan dan dicatatkan dalam Akaun Semasa atau Simpanan ("CASA") layak mendapat Hadiah.
8. Sekiranya terdapat seri (contoh di mana kedua-dua Pemegang Kad Layak yang berkedudukan 20 dan 21 dengan nombor Transaksi Layak yang sama) Pemegang Kad Layak dengan baki agregat CASA yang tertinggi di dalam akaun akan diisytiharkan sebagai pemenang.
9. Kad Debit Hong Leong milik Pemegang Kad Layak dengan CASA masing-masing mesti kekal sah dan aktif semasa Tempoh Peraduan sehinggalah tarikh pengambilan Hadiah iaitu 30 November 2017, jika tidak, Hadiah akan dilupuskan.
10. Pemegang Kad akan dihubungi oleh cawangan HLB berkenaan di mana CASA Pemegang Kad Layak itu diselenggarakan melalui panggilan telefon atau Mesej Pesanan Ringkas ("SMS") dan menyiarkan senarai nama Pemegang Kad Layak dalam Laman Web HLB www.hlb.com.my ("Laman Web HLB"), dalam masa **lapan (8)** hingga **dua belas (12)** minggu dari tarikh tamatnya Tempoh Peraduan untuk mengambil Hadiah masing-masing daripada cawangan berkenaan.
11. Pemegang Kad yang tidak menerima pemberitahuan melalui telefon atau SMS dan nama mereka tidak disiarkan sebagai Pemegang Kad Layak bagi Hadiah dalam Laman Web HLB selewat-lewatnya **31 Oktober 2017** adalah **BUKAN** Pemegang Kad Layak bagi Peraduan ini.

12. Pemegang Kad Layak bertanggungjawab mengambil Hadiah tidak lewat dari **30 November 2017**, jika gagal berbuat demikian, maka Hadiah tersebut akan dilupuskan dengan sewajarnya. HLB tidak akan bertanggungjawab atas mana-mana Hadiah yang tidak dituntut atau sebarang kelewatan menuntut Hadiah oleh Pemegang Kad Layak.
13. Pemegang Kad Layak mungkin diminta menghadiri majlis penyampaian hadiah yang tarikh, waktu dan tempatnya akan diberitahu oleh HLB. Segala perbelanjaan pengangkutan, penginapan, peribadi dan apa-apa kos lain yang dialami untuk menghadiri majlis penyampaian hadiah akan ditanggung oleh Pemegang Kad Layak.

UMUM

14. Perkhidmatan SMS bagi Peraduan ini disediakan dan disokongkan oleh M3 Technologies (Asia) Berhad ("M3Tech"), iaitu vendor SMS yang dilantik secara rasmi oleh HLB.
15. Dengan menyertai Peraduan, maka Pemegang Kad:
 - (a) Telah membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi Terma & Syarat Peraduan, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit dan Terma & Syarat Kad Debit;
 - (b) Bersetuju bahawa sebarang pembalikan Transaksi Runcit akan dikecualikan;
 - (c) Bersetuju untuk mengakses Laman Web HLB dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat;
 - (d) Bersetuju bahawa HLB tidak memberi representasi atau waranti berkenaan dengan kualiti atau kesesuaian Hadiah dan hendaklah berurusan secara langsung dengan syarikat pembekal dan/atau pembuat bagi semua maklumat waranti berkaitan dengan Hadiah tanpa merujuk kepada HLB;
 - (e) Bersetuju bahawa semua Hadiah yang dipaparkan dalam semua bahan bercetak, Laman Web HLB, Laman Rasmi Facebook HLB dan/atau Laman Rasmi "YouTube" HLB adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Apa-apa prop, aksesori atau peralatan yang dipaparkan bersama Hadiah dalam apa-apa bahan bergambar adalah untuk tujuan hiasan dan bukanlah menjadi sebahagian daripada Hadiah;
 - (f) Bersetuju HLB tidak bertanggungjawab sama sekali atas sebarang Hadiah yang hilang, koyak, rosak, luput tempoh atau dicuri. Permintaan untuk menggantikan Hadiah yang hilang, koyak, rosak, luput tempoh atau dicuri itu tidak akan dilayani oleh HLB;
 - (g) Bersetuju HLB tidak boleh dipertanggungjawabkan dan bertanggungjawab atas kegagalan atau kelewatan penyampaian dan/atau pemaparan dalam CASA Pemegang Kad Layak mengenai Transaksi Runcit di Tempat Jualan Tempatan berkenaan yang menyebabkan Pemegang Kad Layak tertinggal daripada menerima Hadiah semasa Tempoh Peraduan;
 - (h) Bersetuju bahawa Hadiah tidak boleh dipindah milik kepada mana-mana pihak **ketiga (ke-3)** dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai muka, kredit, cek atau manfaat barangan;
 - (i) Bersetuju bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Peraduan dan/atau Hadiah adalah muktamad dan mengikat ke atas mereka dan sebarang surat-menyurat dan/atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayani;
 - (j) Memberi keizinan dan membenarkan HLB untuk mendedahkan butir-butir peribadi mereka iaitu nombor telefon bimbit mereka kepada M3Tech bagi tujuan Peraduan ini;
 - (k) Bersetuju nama, nombor Kad Pengenalan (dalam bentuk terlindung), Nombor Kad Debit (dalam bentuk terlindung) atau foto mereka disiarkan atau dipaparkan dalam media, pemasaran, Laman Web HLB, Laman Rasmi Facebook HLB dan/atau Laman Rasmi YouTube HLB bagi tujuan Peraduan ini; dan
 - (l) Bersetuju bertanggungjawab dan akan menanggung sendiri segala cukai berkenaan, fi kerajaan atau apa-apa caj lain yang mungkin dikenakan terhadap mereka di bawah undang-undang berkenaan, jika ada, berkaitan dengan penerimaan Hadiah tersebut.
16. HLB berhak:
 - (a) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian ("Perpindahan") mengikut budi bicara mutlak HLB dengan cara menyiarkan Perpindahan dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar;

- (b) Menggantikan Hadiah dengan warna dan/atau produk lain yang sama nilainya pada bila-bila masa dengan memberi notis awal;
 - (c) Melucutkan kelayakan mana-mana Pemegang Kad atas apa jua sebab sekalipun yang HLB anggap wajar atas budi bicara mutlakanya daripada menyertai Peraduan dan/atau berhak menerima Hadiah.
17. Terma & Syarat di dalam ini, Terma & Syarat Am Akaun bagi Deposit, Terma & Syarat Kad Debit dan apa-apa Terma & Syarat berkenaan yang ditetapkan oleh HLB dari semasa ke semasa hendaklah dibaca sebagai suatu perjanjian keseluruhan dan jika terdapat sebarang percanggahan, maka Terma & Syarat tertentu di dalam ini hendaklah diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
18. Terma & Syarat adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

Akaun semasa dan simpanan yang ditandai kepada kad debit adalah layak dilindungi oleh PIDM.